



Headline: Penyelam terjebak Macau Scam  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 29 March 2019

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 32

#### **Kuantan**

### Penyelam terjebak Macau Scam

Seorang penyelam profesional di sini sanggup menyerahkan maklumat perbankan Internet miliknya kepada sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai inspektor polis kononnya untuk penukaran 'pita kod magnetik'.

Tindakan lelaki berusia 50 tahun itu yang terlalu percaya dengan 'ayat' sindiket berkenaan membawa padah apabila semua wang di dalam akaunnya berjumlah RM6,820 dipindahkan ke dalam akaun lain yang dipercayai milik ahli sindiket itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, pada Selasa lalu, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki kononnya kakitangan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Lelaki berkenaan memberitahu permohonan kad kredit Master Card Gold Ambank mangsa sudah diluluskan, namun mangsa menafikan ada membuat permohonan kad kredit dengan pihak Ambank.

"Suspek memberitahu terdapat pengeluaran RM6,000 daripada kad kredit itu," katanya.